

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN**  
**KAWASAN : SIK**

**SOALAN NO. 52**

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan senarai projek dan peruntukan khas untuk jalan-jalan rosak dan jambatan-jambatan sempit di Daerah Sik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, FT175 adalah satu-satunya laluan persekutuan yang terdapat di daerah Sik manakala selebihnya adalah jalan negeri. Terdapat lapan (8) jambatan di Laluan Persekutuan FT175 dan semua jambatan tersebut masih dalam keadaan yang baik dengan rating 1 dan 2.

Berdasarkan jumlah ini, empat (4) jambatan telah dinaiktaraf dan dilebarkan. Empat (4) baki jambatan yang belum lagi dinaiktaraf, masih lagi dalam keadaan yang baik, walaupun agak sempit dan di kategorikan sebagai *Short Term Axle Load* (STAL) dengan anggaran had beban tidak melebihi 38 tan. Senarai jambatan dan anggaran kos bagi tujuan penggantian adalah seperti berikut:

Bil	Struktur No.	Sungai	Rating	Anggaran Kos	Catatan
1	FT175/020/40	BEGIA	2	11,000,000.00	Jambatan sempit. Dibina pada tahun 1970
2	FT175/037/72	SIK DALAM	2	13,000,000.00	Jambatan sempit. Dibina pada tahun 1970
3	FT175/044/70	SIK (KPG. CHONG)	2	11,300,000.00	Jambatan sempit. Dibina pada tahun 1970
4	FT175/079/60	SOK	2	17,000,000.00	Jambatan sempit. Dibina pada tahun 1970
5	FT175/021/10	BEGIA	1	-	Jambatan baru siap pada tahun 2008
6	FT175/024/80	PAU	1	-	Jambatan baru siap pada tahun 2008
7	FT175/034/80	SIK	1	-	Jambatan baru siap pada tahun 2008
8	FT175/058/20	SOK (GUBIR)	1	-	Jambatan baru siap pada tahun 2013

Walau bagaimanapun, Kementerian Kerja Raya (KKR) melalui Jabatan Kerja Raya akan sentiasa memantau keadaan jambatan sediada dan akan menyenaraikan penggantian jambatan berdasarkan kepada keutamaan kefungisian, kapasiti dan keselamatan pengguna. KKR akan mempertimbangkan cadangan naiktaraf jalan dan jambatan sempit berdasarkan senarai keutamaan Negeri dan akan diangkat ke dalam permohonan projek baharu Rancangan Malaysia akan datang.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa mengambil perhatian ke atas masalah kerosakan jalan dan pembaikan jambatan Persekutuan di Daerah Sik, Kedah. Oleh itu, bagi tahun 2021 Kementerian Kerja Raya telah **merancang sebanyak 37 bilangan** kerja pembaikan jalan dan jambatan di bawah program penyenggaraan berkala dengan nilai keseluruhan kerja sebanyak **RM7,940,900.00** di laluan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu di **Jalan Gurun sehingga Kepala Batas** di laluan **FT175** bermula dari **seksyen 20.00 sehingga 81.10**.

Sejumlah **RM3,735,000.00** daripada peruntukan tersebut akan digunakan untuk tujuan penyenggaraan berkala pavemen (turapan) dan sebanyak **RM4,205,900.00** akan digunakan untuk penyenggaraan berkala bukan pavemen termasuk pembaikan kecil jambatan. Kerja – kerja ini akan dilaksanakan secara Arahan Kerja (AK) kepada syarikat konsesi dan **tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan serta senarai keutamaan kerja yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya** berdasarkan penilaian tahap kritikal kerosakan jalan dan jambatan bagi keseluruhan jaringan Jalan Persekutuan di bawah seliaan Kementerian ini.

**NO SOALAN : 52**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi tahun 2017 sehingga tahun semasa (2020), Kementerian ini telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM8,796,833.59** bagi pelaksanaan penyenggaraan berkala di laluan **FT175** di Daerah Sik, Kedah. Perincian peruntukan yang diluluskan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Program Penyenggaraan Jalan Persekutuan			Jumlah Peruntukan Program Penyenggaraan Tahunan (RM)
	Program Berkala Pavemen (RM)	Program Berkala Bukan Pavemen (RM)	Program Pembaikan Jambatan (RM)	
2017	1,700,000.00	0.00	0.00	1,700,000.00
2018	1,032,124.01	1,639,105.09	0.00	2,671,229.10
2019	1,967,545.64	0.00	78,058.85	2,045,604.49
2020	1,650,000.00	730,000.00	0.00	2,380,000.00
<b>Jumlah Keseluruhan (2017-2020)</b>	<b>6,349,669.65</b>	<b>2,369,105.09</b>	<b>78,058.85</b>	<b>8,796,833.59</b>

Sekian, terima kasih.